

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(I)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

14. Nyatakan usaha Kerajaan Negeri dalam menyediakan perkhidmatan taska komuniti *Community Child Care Centre* untuk mempertingkatkan kadar golongan wanita bekerja.
- (a) Senaraikan kadar bayaran perkhidmatan taska mengikut daerah.
  - (b) Apakah peranan kerajaan dalam usaha memastikan taska telah dikendalikan dengan profesional serta selamat?

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Sehingga kini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membiayai dua (2) buah Pusat Jagaan Kanak-kanak (PJKK) iaitu di Padang Tembak dan Bukit Mertajam serta Taska d'KOMTAR untuk membantu golongan ibu bekerja.

Kategori taska terdiri daripada Taska Institusi, Taska Tempat Kerja, Taska di Rumah dan Taska Komuniti dan perbezaannya adalah seperti berikut :-

- (i) Taska Institusi menerima 10 orang kanak-kanak atau lebih dalam jagaan dan ditubuhkan atas inisiatif pihak swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO);
- (ii) Taska Tempat Kerja menerima 10 orang kanak-kanak atau

lebih dalam jagaan dan ditubuhkan atas inisiatif majikan untuk kebajikan pekerja;

- (iii) Taska di Rumah menerima 4 hingga 9 orang kanak-kanak dalam jagaan dan dijalankan di kediaman sendiri; dan
- (iv) Taska Komuniti menerima 10 orang kanak-kanak atau lebih dalam jagaan, menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan ditubuhkan atas inisiatif komuniti untuk manfaat kepada keluarga yang berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar.

Buat masa ini tiada kategori Taska Komuniti yang berdaftar di Negeri Pulau Pinang di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Jumlah Taska berdaftar dan tidak berdaftar mengikut kategori adalah seperti di **Lampiran A**.

- (a) Kadar bayaran perkhidmatan Taska di Negeri Pulau Pinang mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran B**.
- (b) JKM bertanggungjawab memastikan pengusaha taska mengendalikan taska dengan profesional dan selamat melalui langkah-langkah berikut :-
  - (i) Sebelum mengeluarkan perakuan pendaftaran taska, JKM akan memastikan pengusaha taska mematuhi akta, peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh JKM;
  - (ii) Pengusaha dan pengasuh perlu hadir dan lulus Kursus Asuhan Dan Didikan Awal Kanak-Kanak;
  - (iii) Pemeriksaan berkala akan dilaksanakan bagi semua taska yang berdaftar untuk memastikan keselamatan

dan kebajikan kanak-kanak terjamin; dan

- (iv) Mana-mana taska yang tidak patuh atau melanggar akta dan peraturan taska akan diambil tindakan oleh Bahagian Penguatkuasaan JKM.

Kerajaan Negeri juga sedang melaksanakan proses pemutihan sebagai usaha untuk mendaftarkan semua taska dan Pusat Jagaan (PJ) di Pulau Pinang. Masalah utama yang dikenal pasti menjadi punca taska dan PJ tidak berdaftar adalah disebabkan kos permohonan tukar guna bangunan kediaman kepada taska dan PJKK yang tinggi di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk memberi diskaun 90% ke atas bayaran pemajuan infrastruktur untuk permohonan tukar guna bangunan kediaman kepada taska dan PJKK bagi mereka yang tidak berlesen dan beroperasi sebelum 15 September 2017. Tempoh diskaun ini adalah dari 15 September 2017 sehingga 14 September 2018. Tindakan penguatkuasaan bersepadu bersama semua agensi yang terlibat akan diambil terhadap taska dan pusat jagaan yang masih beroperasi tanpa lesen selepas tamat tempoh pemberian diskaun 90%.